



## PEMBERITAHUAN

### KERTAS SIASATAN AWAM MENGENAI KAJIAN SEMULA STANDARD MANDATORI HARGA CAPAIAN

**CYBERJAYA, 5 Oktober 2022** --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang menjalankan Siasatan Awam mulai **5 Oktober 2022 hingga 21 November 2022**. Siasatan Awam mengenai kajian semula Standard Mandatori Harga Capaian ini dijalankan menurut seksyen-seksyen 55(2), 55(4), 58 dan 61 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.

Kertas Siasatan Awam ini mengandungi pandangan awal MCMC mengenai harga untuk kemudahan dan perkhidmatan yang disenaraikan di dalam Penentuan Senarai Capaian, Penentuan No. 6 daripada 2021.

Pihak MCMC mempelawa orang ramai untuk menyertai Siasatan Awam ini dengan mengemukakan ulasan bertulis mengenai soalan-soalan khusus, pandangan awal MCMC, rasional dan analisis yang digunakan di dalam Kertas Siasatan Awam. Pihak yang mengemukakan ulasan adalah digalakkan untuk menyokong ulasan masing-masing dengan hujah dan yang mana berkenaan, ianya hendaklah disertakan dengan rujukan kepada bukti atau maklumat lain yang berkaitan.

Semua ulasan bertulis hendaklah dihantar secara bertulis dan elektronik kepada alamat dan e-mel di bawah pada atau sebelum **12:00 tengah hari, 21 November 2022 (Isnin)**.

Kertas Siasatan Awam ini boleh dilayari di laman sesawang MCMC: <https://www.mcmc.gov.my/en/resources/reports/information-paper>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
MCMC HQ Tower 1, Jalan IMPACT, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor  
(u.p.: Jabatan Capaian, Bahagian Kawalselia Pasaran)

Tel.: +603 8688 8000

Faks.: +603 8688 1000

E-mel: [access@mcmc.gov.my](mailto:access@mcmc.gov.my)

[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)